

## **Elemen Pengukuhan Etika Digital Berdasarkan Analisis Tinjauan Literatur Sistemik**

### *The Elements of Strengthening Digital Ethics Based on Systematic Literature Review Analysis*

**Muhaymin Hakim Abdullah<sup>1\*</sup>, Lutfan Jaes<sup>1</sup>, Riki Rahman<sup>1</sup> & Siti Sarawati Johar<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

\*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2022.03.02.002>

Received 15 September 2022; Accepted 19 Disember 2022; Available online 31 Disember 2022

**Abstrak:** Etika digital adalah satu prosedur dan set peraturan yang dicipta bagi mengurangkan ancaman melibatkan penggunaan teknologi digital. Dunia digital pada masa kini menyentuh semua keperluan aspek kehidupan manusia bagi memudahkan penggunaannya. Namun, penggunaan media sosial tanpa batasan akhirnya memberi kesan yang buruk kepada masyarakat. Perkara ini menimbulkan suatu keresahan baharu khususnya kepada pihak berkuasa dalam menangani isu ini. Tujuan kajian ini dibuat untuk mengenal pasti elemen etika digital secara global melalui integrasi kajian lepas sebagai panduan rujukan bagi membantu mengukuhkan etika digital dalam pembuatan dasar. Kajian secara kualitatif ini menggunakan kaedah tinjauan analisis literatur sistemik PRISMA dengan mengintegrasikan semula penemuan kajian lepas melalui proses tapisan bagi mengenal pasti dan dinilai setiapnya secara kritis. Hasil kajian mendapati elemen pengukuhan etika digital dalam masyarakat yang telah dikenal pasti antaranya ialah professional, positif, kesedaran, peribadi, komunikasi dan pendidikan.

**Kata Kunci:** Dasar Awam, Etika Digital, Media Sosial, Rangkaian Internet, Teknologi Digital, Netiket

**Abstract:** Digital ethics is a set of rules and procedures created to reduce threats involving digital technology. Today's digital world has touched all aspects of life to make it easier for its users, but the unlimited use of social media ends up having a bad effect on society. This matter creates a new concern especially for the authorities in dealing with this issue. The purpose of this study was to identify the elements of digital ethics globally through the integration of past studies as a reference guide to

help strengthen the public policy of digital ethics today. This study is a qualitative study through a systematic literature review method using the PRISMA method as well as reintegrating the findings of previous studies through a screening process to identify and evaluate each one critically. The results of the study found elements of strengthening digital ethics in society which have been identified as professional, positive, awareness, personal, communication and education.

**Keywords:** Public Policy, Digital Ethics, Social Media, Internet Networks, Digital Technology, Netiquette

## 1. Pengenalan

Etika merupakan suatu tatacara ataupun norma dalam melakukan aktiviti seharian. Tanpa etika, manusia akan bebas melakukan sesuatu di luar kawalan tanpa batasan sehingga boleh memberikan kesan buruk kepada orang lain. Etika digital adalah satu prosedur dan set peraturan yang dicipta bagi mengurangkan ancaman melibatkan penggunaan teknologi digital. Dunia digital pada masa kini menyentuh semua keperluan aspek kehidupan manusia termasuk komunikasi bagi memudahkan penggunaannya menjalani kehidupan seharian. Internet ini sangat terbuka, bebas, neutral, dan tidak dikawal teknologi [13] diibaratkan seperti sebuah sistem demokrasi tidak berperlembagaan. Namun, tiada siapa yang akan bertanggungjawab sekiranya berlaku masalah seperti isu penghinaan, perbalahan dan sebagainya di media sosial sudah tentu akan memberi kesan yang negatif kepada pengguna [3]. Dunia teknologi digital masa kini sangat memerlukan rangkaian internet bagi menghubungkan sesama manusia dan membantu menyelesaikan pelbagai masalah tetapi andaikan sesuatu perkara buruk berlaku, internet itu sendiri tidak bertanggungjawab ke atasnya. Ini bermaksud, seseorang akan dipertanggungjawabkan setiap yang mereka lakukan. Namun sangat sukar untuk mengenal pasti serta mengesan penjenayah siber dan membuktikan seseorang yang disyaki itu bersalah [18] kerana sesiapa sahaja boleh membuat akaun palsu.

Penggunaan media sosial berevolusi begitu pantas sehingga mengubah cara penyampaian serta penerimaan sesuatu informasi dapat dikongsi cepat sehingga dianggap suatu medium rasmi yang sangat relevan dalam sebuah organisasi terutamanya di sektor kerajaan dan swasta [14]. Masyarakat kini lebih gemar mengembangkan pengetahuan dan kemahiran mereka menggunakan internet serta teknologi digital lain secara kerap dengan lebih berkesan, terutama ketika mengambil bahagian dalam memberi maklum balas secara wajar dalam aktiviti sivik dan sosial.

Dari aspek pendidikan sivik, di abad ke-21 ini, pembangunan celik huruf adalah lebih tertumpu kepada penyediaan warga muda yang berwawasan global iaitu mempunyai tabiat hati, fikiran, badan serta jiwa yang boleh bekerja dan menyediakan perhubungan dengan masyarakat lain. Namun, di era modenisasi ini masyarakat kurang masa untuk memikirkan pendapat serta emosi orang lain menerusi cadangan atau komen di media sosial. Siber buli, *scammer*, penyebaran berita palsu [4], sebaran dakwah yang tidak tepat mengenai agama [2], sebaran atau serangan ideologi pemikiran [8], lambakan bahan lucah pornografi dan sebagainya merupakan contoh aktiviti salah laku dalam penggunaan teknologi digital di media sosial [16], [17].

Lonjakan tinggi daripada internet telah mewujudkan rintangan dalam aspek etika sosial [22] namun tahap kesedaran pengguna masih lagi di tahap sederhana khususnya dalam kalangan generasi muda [20]. Malah, buli siber di media sosial turut berlaku dalam kalangan remaja [10], [21]. Saban hari pelbagai isu komentar tanpa batasan yang melibatkan perkauman dan mempersendakan agama. Perkara ini menimbulkan suatu keresahan baharu khususnya kepada pihak berkuasa dalam menangani isu ini. Tujuan kajian ini dibuat untuk mengenal pasti elemen etika digital secara global melalui integrasi kajian lepas sebagai panduan rujukan dalam mengukuhkan dasar etika digital pada masa kini.

## 2. Kepentingan Etika Digital Terhadap Masyarakat

Penggunaan media sosial tidak dihadkan kepada mana-mana individu. Sesiapa sahaja yang mempunyai alat peranti atau komputer yang mempunyai rangkaian internet bebas untuk menggunakannya. Walaupun sesetengah pendaftaran akaun di media sosial ada menetapkan peringkat umur, namun urusan pemantauan ke atas tindakan tersebut adalah di luar tanggungjawab pengasas media tersebut. Masyarakat masa kini bebas untuk berinteraksi secara atas talian dan membina rangkaian persahabatan melalui media sosial. Kajian menunjukkan kadar penggunaan media sosial terus meningkat ditambah pula dengan kewujudan pelbagai aplikasi menarik dan banyak pilihan berurutan perkembangan teknologi yang semakin canggih. Sejak dunia mengalami era pandemik Covid-19 pada tahun 2019, media sosial merupakan medium utama untuk berinteraksi, bersosial, belajar, bekerja, berniaga dan sebagainya [25]. Penggunaan rangkaian media sosial ini adalah satu inisiatif baik yang digunakan untuk berhubung secara atas talian bagi mencegah kadar peningkatan penularan pandemik Covid-19. Namun penyalahgunaan media sosial turut mendadak ketika musim pandemik ini [19].

Oleh demikian, etika digital perlu diperluaskan kepada umum supaya dapat melahirkan masyarakat yang peka kepada peraturan ketika menggunakan media sosial seterusnya isu penyalahgunaan teknologi digital ini dapat dibendung. Selain mendidik pengguna, etika digital merupakan satu enzim untuk menyebarkan nilai murni dalam kalangan pengguna [7]. Etika digital juga merupakan satu bentuk kesedaran kepada masyarakat global tentang kepentingan mengamalkan sikap positif secara terbuka yang memberi kesan kebaikan kepada orang di sekeliling mahupun diri sendiri [12]. Isu konflik di media sosial kebanyakannya berpunca daripada kehendak diri sendiri dan bukannya individu lain [1]. Cara berinteraksi dan komentar yang dilakukan merupakan satu faktor utama dalam mengukur tahap pemahaman seseorang terhadap etika digital sama ada mereka berkomunikasi baik sama ada di alam maya mahupun realiti [11]. Hanya melalui etika digital sahaja satu bentuk pendidikan kepada pengguna media sosial sentiasa beradab sopan dan beretika ketika melayarinya [6], [9]. Sikap profesional turut diperlukan bagi melahirkan masyarakat yang peka kepada pembentukan nilai etika dan adab dalam kalangan pengguna ketika di media sosial [14].

## 3. Metodologi

Kajian dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan analisis literatur sistematik atau SLR (*systematic literature review*) sebagai kaedah bagi mengintegrasikan semula penemuan kajian lepas serta melalui proses tapisan bagi mengenal pasti dan dinilai setiapnya secara kritis untuk mendapatkan hasil kajian.

### 3.1 Penggubalan Persoalan Kajian (*Formulation of the Research Question*)

Berdasarkan konsep PICO, dua elemen dimasukkan dalam kajian ini bagi membangunkan persoalan kajian. PICO adalah singkatan kepada, 'P' - *Population or Problem* (Populasi atau Masalah), 'I' – *Interest* (Minat) dan 'Co' – *Context* (Konteks). Dua elemen tersebut adalah masyarakat (populasi) dan elemen yang berkaitan dengan pengukuhan etika digital (konteks).

### 3.2 Strategi Pencarian (*Searching Strategies*)

Kaedah PRISMA pula digunakan untuk mengekstrak elemen daripada artikel yang dikaitkan dengan pengukuhan etika digital. Kaedah ini juga merupakan proses untuk kumpul dan menapis artikel bermula dengan proses pertama adalah pengenalanpastian (*identification*) iaitu rekod dikenal pasti melalui pencarian di pangkalan data. Proses kedua adalah saringan (*screening*) iaitu rekod yang sama serta tidak mengikut kriteria dikeluarkan, proses ketiga adalah kelayakan (*eligibility*) iaitu artikel terpilih akan dinilai berdasarkan tajuk serta abstrak data. Akhir sekali proses artikel yang disertakan (*included*) iaitu artikel akhir dipilih dan kandungannya dianalisis.

### 3.3 PRISMA

Samakan menggunakan piawaian Item Pelaporan Pilihan untuk Kajian Sistemik dan Analisis Meta (*Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta- Analyses*) atau penyata PRISMA. PRISMA mentakrifkan soalan penyelidikan yang jelas melalui semakan secara sistemik. Kaedah ini juga menyusun artikel berdasarkan kepada soalan kajian daripada penulis terdahulu menggunakan pengecualian kriteria serta kemasukan secara pantas serta mencari pelbagai artikel berkenaan di pangkalan data. Semakan dilakukan secara keseluruhan melalui teknik PRISMA berkaitan elemen pengukuhan etika digital.

### 3.4 Sumber (Resources)

Sumber diperoleh dari pangkalan data *Google Scholar* dan *Scopus* digunakan. *Google Scholar* adalah pangkalan data yang utama untuk mendapatkan artikel kajian sistemik dan pangkalan data *Scopus* digunakan untuk mencari kertas kerja berkaitan isu kajian sebagai pangkalan data yang kedua. Pangkalan data *Scopus* diasaskan sejak tahun 2004 yang memiliki lebih daripada 10,000 penerbit dari seluruh dunia ini yang mengandungi kesusasteraan daripada pelbagai bidang merangkumi disiplin akademik, termasuklah sains sosial, pertanian, sains fizikal dan sains perubatan. Selain itu, pemilihan sendiri (*handpicking*) turut digunakan dalam mencari artikel jurnal yang mempunyai kriteria kemasukan serta pengecualian yang sama seperti artikel di pangkalan data *Google Scholar*.

### 3.5 Kriteria Kelayakan dan Pengecualian (Eligibility and Exclusion Criteria)


Kajian ini hanya memilih penerbitan artikel jurnal sahaja. Artikel ulasan, bab buku, siri buku, buku, atau persidangan prosiding tidak dipilih. Pencarian penerbitan pula hanya dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggeris sahaja digunakan untuk membantu pemahaman dengan melihat 5 tahun penerbitan terkini (tahun 2018 hingga 2022). Tempoh ini dipilih supaya dapat menjamin ciri elemen terkini sahaja berkaitan pengukuhan etika digital yang akan dianalisis. Penilaian artikel ini tidak terhad kepada negara serta lokasi tertentu.

**Jadual 1: Kriteria Kemasukan dan Pengecualian**

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Jenis Dokumen	Artikel Jurnal	Bab Buku, Buku, Siri Buku
Bahasa	Bahasa Malaysia, Indonesia dan Inggeris	Selain Bahasa Malaysia, Indonesia dan Inggeris
Penerbitan Garis Masa	2018 – 2022	< 2018

### 3.6 Proses Semakan Bersistematik (Systematic Review Process)

Berikut adalah tahap proses semakan bersistematik seperti ditunjukkan di Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1: Model PRISMA**

Tahap pertama adalah pengenalan. Ketika ini, kata kunci yang bersesuaian dan tepat dengan kajian digunakan bagi proses mengenal pasti (*identification*). Jadual 2 menunjukkan kata kunci sinonim yang membawa maksud sama untuk mengenal pasti elemen pengukuhan etika digital berdasarkan tesaurus, penyelidikan terdahulu dan kajian literatur. Di peringkat ini terdapat 335 artikel yang ditemukan iaitu 23 artikel dari pangkalan data *Scopus* dan 312 artikel dari pangkalan data *Google Scholar*. Namun tiada artikel pendua yang ditemukan dan dikeluarkan. Tahap kedua adalah saringan (*screening*) iaitu sebanyak 275 artikel yang telah dialih keluar daripada jumlah keseluruhan artikel kerana tidak mengikut spesifikasi berdasarkan garis masa penerbitan, jenis kesusasteraan dan penggunaan bahasa. Tahap ketiga adalah kelayakan (*eligibility*) iaitu melibatkan semakan artikel secara keseluruhan. Melalui semakan, 42 buah artikel jurnal dikeluarkan kerana tidak mempunyai ciri elemen yang boleh dikaitkan dengan pengukuhan etika digital, kurang fokus dan kekurangan data empirikal. Akhir sekali hanya 18 buah artikel jurnal sahaja yang dipilih untuk dianalisis secara kualitatif.

### 3.7 Abstraksi dan Analisis Data (Data Abstraction and Analysis)

Baki 18 buah artikel ini disemak serta dianalisis secara teliti menggunakan analisis kandungan dan ulasan terhad yang menjawab persoalan kajian. Abstrak serta bacaan penuh keseluruhan artikel bagi

mendapatkan tema dan sub tema elemen pengukuhan etika digital yang terdapat di artikel jurnal tersebut.

**Jadual 2: Kata kunci carian yang digunakan dalam proses pengenalpastian**

Pangkalan Data	Carian
<i>Google Scholar</i>	("netiquette" OR "etika digital") AND ("media sosial" OR "social media") AND ("internet")
<i>Scopus</i>	( TITLE-ABS-KEY ("netiquette" OR "etika digital" ) ) AND ( ( "internet" ) ) AND ("social media" OR "media sosial") AND ( LIMIT-TO ( PUBYEAR , 2022 ) OR LIMIT-TO ( PUBYEAR , 2021 ) OR LIMIT-TO ( PUBYEAR , 2020 ) OR LIMIT-TO ( PUBYEAR , 2018 ) )

#### 4. Hasil dan Analisis Kajian

Hasil tinjauan literatur 5 tahun penyelidikan kajian terkini yang telah dikenal pasti bahawa terdapat 6 elemen utama pengukuhan etika digital yang harus diterapkan dalam kalangan pengguna. Elemen tersebut adalah termasuk professional, kesedaran, positif, peribadi, pendidikan, dan komunikasi. Koleksi kajian ini diterbitkan antara 2018 sehingga 2021. Terdapat 3 kajian yang telah diterbitkan pada tahun 2018, 5 kajian yang diterbitkan pada tahun 2019, 4 kajian diterbitkan pada tahun 2020, dan 6 kajian yang telah diterbitkan pada 2021. Kajian literatur telah dibuat berdasarkan dengan faktor pengukuhan etika digital. Kesemua artikel telah diselidiki secara kualitatif.

Jadual 4 telah menunjukkan elemen-elemen pengukuhan etika digital dalam masyarakat iaitu sebanyak 18 kajian yang telah dijalankan sejak tahun 2018 sehingga tahun 2021. Antara 18 kajian yang telah dianalisis, elemen utama yang paling utama diterapkan untuk pengukuhan etika digital dalam masyarakat ialah elemen pendidikan sebanyak 83.33% diikuti elemen kedua tertinggi iaitu elemen komunikasi sebanyak 88.89%. Elemen peribadi dan positif mempunyai peratusan yang sama iaitu 77.78%. Seterusnya elemen yang dipengaruhi dalam pengukuhan etika digital ialah elemen kesedaran sebanyak 61.11%. Akhir sekali, elemen yang paling kurang diterapkan dalam mengukuhkan etika digital dalam masyarakat ialah elemen professional sebanyak 33.33%.

**Jadual 3: Peratusan Elemen Pengukuhan Etika Digital**

No	Elemen	Bilangan	Peratusan bagi setiap Elemen (%)
1	Professional	6	$\frac{6}{18} \times 100 = 33.33\%$
2	Positif	14	$\frac{14}{18} \times 100 = 77.78\%$
3	Kesedaran	11	$\frac{11}{18} \times 100 = 61.11\%$
4	Peribadi	14	$\frac{14}{18} \times 100 = 77.78\%$
5	Komunikasi	16	$\frac{16}{18} \times 100 = 88.89\%$
6	Pendidikan	15	$\frac{15}{18} \times 100 = 83.33\%$

**Jadual 4 : Elemen Pengukuhan Etika Digital**

No	Penyelidik	Tahun	Elemen Pengukuhan Etika Digital					
			Prf-	Pst-	Kes-	Pbd-	Kms-	Pdk-
1	Anggi Yoga Pramanda et al	2018						
2	Abdul Sakban et al	2018						
3	Yuhdi Fahrimal	2018						
4	Rmmd Pemarathna	2019						
5	L. Luić & J. Lepoglavec	2019						
6	Nurfarhanah et al	2019						
7	Dr. Chaiyaset Promsri et al	2019						
8	Yunita Uswatun Khasanah	2019						
9	Dewi Ika Sari, Triana et al	2020						
10	Nor Azian, Hussein et al	2020						
11	Febi Afriani & Alia Azmi	2020						
12	Intan Kurnia Ahmad	2020						
13	Shahidah Hamzah et al	2021						
14	Endrise Septina Rawanoko et al	2021						
15	Wirmando et al	2021						
16	Sana Iqbal et al	2021						
17	Indah Nur Izzah et al	2021						
18	Fauziah Hassan et al	2021						
Jumlah Peratusan (%)		-	33.33	77.78	61.11	77.78	88.89	83.33

Definisi Singkatan:-

Prf-Profesional	Pst-Positif	Kes-Kesedaran	Pbd-Peribadi	Kms-Komunikasi	Pdk-Pendidikan
-----------------	-------------	---------------	--------------	----------------	----------------

## 5. Perbincangan dan Cadangan

Teknologi berevolusi dalam pelbagai bidang kehidupan seharian manusia secara menyeluruh meliputi makanan, pertanian, infrastruktur, pengangkutan, tadbir urus, pendidikan selain mahupun teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Komunikasi secara alam maya sering dikaitkan dengan penggunaan media sosial. Namun kesedaran terhadap etika dan adab di media sosial jarang diketengahkan menyebabkan pelbagai isu timbul sehingga memberikan masalah kepada pengguna lain. Malah sikap tidak bertoleransi serta tidak bertanggungjawab sebahagian netizen di media sosial juga memberi impak kepada keamanan sesebuah negara. 'Netiquette' atau etika digital dalam kalangan pengguna media sosial semakin luntur dibawa arus modenisasi [20], [22] merupakan faktor kepada permasalahan ini. Penggunaan media sosial dan teknologi digital bersifat sangat terbuka serta kebebasan bersuara yang tanpa had seolah-olah menghalalkan kritikan komentar negatif daripada netizen. Isu berkaitan politik kerap diperdebatkan dalam kalangan warga digital di platform media sosial terutamanya menjelang pilihan raya. Ketaksuban netizen terhadap parti atau calon membuatkan penyokong tidak mengindahkan tatacara dalam berbicara menimbulkan konflik dalam masyarakat tanpa mengira kaum.

Malah isu yang dibangkitkan dikaitkan pula dengan pegangan kepercayaan agama masing-masing mengeruhkan keadaan keharmonian kesejahteraan dan toleransi masyarakat. Media sosial berperanan penting dalam menyumbang kepada perpaduan sosial mahupun sebaliknya [15] jika dilihat dari konteks hubungan etnik. Media sosial semakin hari berkembang sebagai medium interaktif, membolehkan komuniti mengukuhkan ikatan perpaduan dalam kalangan mereka selain dapat memupuk semangat solidariti sosial. Selain itu, buli siber yang semakin berleluasa turut membimbangkan para pengguna media sosial serta memberi kesan kepada perkembangan watak dan boleh membawa kepada tingkah laku yang tidak selesa kepada pengguna lain. Punca buli siber termasuk faktor dalaman seperti penonjolan ego untuk menyakiti orang lain kerana mempunyai motif dan faktor luaran tertentu [16]. Bahan yang dimuat naik ke internet dan media sosial yang disimpan dalam arkib secara maya boleh dimuat turun serta didokumentasikan semula oleh orang lain walaupun tidak dikenali. Pengguna seharusnya lebih berhati-hati dalam memuat naik sebarang dokumen atau menyiarkan segala-galanya di akaun media sosial agar tidak terjebak dengan jenayah siber yang melanggar norma dan etika.

Bagi memastikan media sosial dapat memainkan peranan penting terhadap keharmonian sesebuah negara, maka elemen utama etika digital perlulah diterapkan dan diperkukuhkan dalam dasar awam sedia ada seperti elemen profesional, positif, kesedaran, peribadi, komunikasi dan pendidikan semasa menggunakan media sosial. Pihak berkuasa perlu bertindak tegas dengan menguatkuasakan undang-undang sedia ada untuk menangani salah laku di media sosial. Selain pembuatan dasar, kawalan serta penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat oleh pihak berkuasa mesti dilakukan segera dengan menyekat laman web yang dapat mencetuskan perbalahan dalam kalangan netizen dan merosakkan akhlak serta moral pengguna. Selain itu, platform yang sesuai juga harus disediakan untuk rakyat memberikan pandangan serta ruang aduan yang dipantau dengan baik kakitangan jabatan kerajaan. Pihak berkuasa perlu mempergiatkan pendidikan literasi digital awam supaya potensi pelanggaran etika, nilai dan norma kebangsaan dapat diminimumkan. Cadangan penambahbaikan sukatan pelajaran boleh disemak semula dengan modul kursus baharu 'netiquette' bagi mewujudkan warga digital yang berpengetahuan baik dengan etika digital.

Kesedaran masyarakat supaya bertanggungjawab serta mematuhi undang-undang digital dan prihatin terhadap ancaman digital mesti ditingkatkan. Maklumat yang diterima di media sosial perlu ditapis dan diselidiki terlebih dahulu sebelum disebar kerana dikhuatiri tidak benar kesahihannya. Bahkan, perlu bertindak melaporkan kepada pentadbir sistem sekiranya etika digital dipatuhi. Aduan kepada pihak berkuasa juga perlu dilakukan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil. Selain itu, pengguna juga seharusnya menjaga sensitiviti kaum dan agama. Tindakan sedemikian dapat membantu mengurangkan masalah penyalahgunaan media sosial. Kawalan individu dan keluarga diperlukan dalam capaian internet khususnya dengan menghadkan penggunaan internet untuk kanak-kanak sama ada dari segi masa ataupun aplikasi digital yang boleh mereka akses. Begitu juga dengan kata laluan, perlu dipertingkatkan tahap verifikasi akses keselamatannya seperti menggunakan kata laluan dan corak (pattern).

Kebebasan dan kepantasan perkembangan teknologi digital seperti kepelbagaian aplikasi khususnya di medium internet membuatkan penggunaannya leka dan terlupa bahawa ia dibatasi oleh sistem etika serta moral dalam masyarakat. Masyarakat perlu sedar bahawa sistem rangkaian sosial di media sosial adalah sama dengan sistem sosial kehidupan realiti sebenar. Interaksi di internet turut dihadkan oleh sempadan nilai, norma dan peraturan kemanusiaan yang lain [22] ini bermakna kebebasan yang wujud di internet ini bukanlah kebebasan tanpa had. Masyarakat tidak boleh menggunakan akaun media sosial sesuka hati walaupun ia adalah akaun peribadi. Oleh itu, netiquette menjadi garis panduan kepada netizen dalam berinteraksi di internet khususnya media sosial. Norma, etika dan peraturan dalam sistem sosial juga berlaku dalam dunia maya walaupun tidak tertulis. Oleh yang demikian, setiap pengguna perlulah menghormati serta akur dengan pematuhan yang tinggi terhadap nilai-nilai etika digital ini.



## 6. Kesimpulan

Natijahnya, pada masa kini perkembangan penggunaan teknologi digital penting dalam memudahkan urusan seharian manusia. Penduduk dunia dapat berinteraksi dengan mudah melalui teknologi maklumat dan komunikasi khususnya di media sosial tanpa mengira lapisan masyarakat mahupun umur. Selain itu, pengguna turut dapat menyimpan data serta menghantar sebarang info maklumat melalui media sosial melalui pelbagai aplikasi teknologi digital dengan mudah. Penyatuan teknologi komunikasi seperti telefon pintar yang mempunyai isyarat tanpa wayar dan sistem audio yang digunakan turut membolehkan pengguna lain mengakses maklumat tanpa kebenaran. Tahap pemahaman serta penghayatan etika digital yang rendah dalam kalangan pengguna memberi peluang serta mencipta ruang digital yang tidak selamat dalam kalangan pengguna. Tahap keselamatan digital yang rapuh juga turut menjadikan potensi penipuan digital dan kebocoran data peribadi pengguna. Komentor tanpa batasan di media sosial memberikan pelbagai kesan kepada pengguna lain, malah menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat setempat. Keterujaan yang tinggi sesetengah pengguna media sosial kadangkala menyebabkan penentangan terhadap nilai sosial iaitu etika dan moral. Salah satu cabaran mengukuhkan etika digital dalam kalangan masyarakat juga adalah penerimaan kepada perubahan budaya digital yang lemah menyebabkan pelanggaran hak digital pengguna.

Pendekatan kajian ini telah mengenal pasti beberapa elemen terkini yang dibincangkan dalam konsep etika digital yang dibandingkan dengan fenomena pelanggaran etika di media sosial iaitu elemen profesional, positif, kesedaran, peribadi, komunikasi dan pendidikan. Elemen ini perlu diterapkan dan diperkukuhkan dalam kalangan pengguna supaya mematuhi peraturan etika dan moral selain dapat mewujudkan ruang kongsi yang selesa. Elemen tambahan seperti bertolak ansur juga perlu ditekankan dalam kalangan pengguna media sosial supaya wujud kesepakatan antara pengguna seterusnya mengekalkan keharmonian dan kemakmuran sesebuah negara. Kesepaduan yang terjalin membuktikan bahawa pengguna boleh menjaga etika dan peradaban mereka ketika bersosial secara alam maya. Pengukuhan etika digital juga perlu dijalankan lanjutan kajian dari semasa ke semasa supaya selari dengan keperluan peredaran zaman dan teknologi budaya masa kini. Dasar serta undang-undang yang diperkenalkan di setiap negara dapat melatih mendidik pengguna teknologi digital khususnya di media sosial supaya lebih berhati-hati. Hukuman dan akta perlu dikuatkuasakan bagi memberi serta meningkatkan kesedaran pengguna untuk terus mengambil berat tentang etika digital.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan penghargaan kepada Nurul Izzah Atirah, Luqman Khir Muhammad Faiz, Ali Afiq Mohd Fahrizal dan Muhammad Nor Aiman yang memberikan sumbangan idea dan sokongan bagi menjayakan penulisan ini.

## Rujukan

- [1] Abdul Sakban, Sahrul, Andi, K., & Heri, T. (2018). The Role of Police to Reduce and Prevent Cyber-bullying Crimes in Indonesia. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, Vol. 192 (ICILS 2018), 36-41. DOI: <https://doi.org/10.2991/icils-18.2018.7>
- [2] Ahmad, Intan Kurnia (2020). Penerimaan YouTube sebagai Sumber Maklumat Agama Islam dalam Kalangan Masyarakat di Kampung Ulu Putatan, Sabah: Pengaplikasian Model Penerimaan Teknologi (TAM) dan Teori Kredibiliti. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, Vol. 6, Num. 1,2020, 174-188. DOI: <https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2802>

- [3] Amalia, H. R., Serliana, S. G., & M., S. I. (2022). Teenagers Language Politeness Strategy on Social Media WhatsApp Based on Level of Education. *Al-Lisan: Jurnal Bahasa (e-Journal)*, 37-50. DOI: <http://dx.doi.org/10.30603/al.v7i1.2396>
- [4] Anggi, Y. P., Moh, M., & Rima, V. H. (2018). Penguatan Etika Digital Pada Siswa untuk Menanggulangi Penyebaran Berita Bohong (HOAX) di Media Sosial melalui Pendidikan Kewarganegaraan. *Jurnal Penelitian Pendidikan* Vol.21 No.2, 1-13. DOI: <https://doi.org/10.20961/paedagogia.v21i2.23922>
- [5] Chaiyaset, P., Suchira, C., & Thanatas, T. (2019). Social Media Usage Behaviors: Evidence of College Students from a Selected University in Thailand. *Cross Current Int J Econ Manag Media Stud*, 108-113. DOI: [https://www.easpublisher.com/media/features\\_articles/CCIJEMMS\\_15\\_108-113\\_c.pdf](https://www.easpublisher.com/media/features_articles/CCIJEMMS_15_108-113_c.pdf)
- [6] Dewi, I. S., Triana, R., & Moh. , M. (2020). Students Digital Ethics Profile in the Era of Disruption: An Overview from the Internet Use at Risk in Surakarta City, Indonesia. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 14(03), 82-94. DOI: <https://doi.org/10.3991/ijim.v14i03.12207>
- [7] Endrise, S. R., Kokom , K., Suwarma , A.-M., & Prayoga, B. (2021). The Use of Social Media in Ethic Digital Perspective. *Jurnal Civics: Media Kajian Kewarganegaraan* Vol.18 No.1, 148-157. DOI: <https://doi.org/10.21831/JC.V18I1.40036>
- [8] Fauziah Hassan., Sofia, Y., Suria, H. R., Siti, S. O., Siti, Z. O., & Kalsom, A. (2021). Media Sosial dan Terrorisme: Partisipasi Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Ulum Islamiyyah The Malaysian Journal of Islamic Sciences* Vol. 33 No. 3, 221-235. DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.vol33no3.456>
- [9] Febi, A., & Alia, A. (2020). Penerapan Etika Komunikasi di Media Sosial: Analisis Pada Grup WhatsApp Mahasiswa PPKN Tahun Masuk 2016 Fakultas Ilmu Sosial Universitas Negeri Padang. *Journal of Civic Education* Vol.3 No.3, 331-338. DOI: <https://doi.org/10.24036/jce.v3i3.372>
- [10] Indah Nur, I., Andi Amri, A., Zahra Nurya, M., Adam Dharma, P., Savira Putri, A., Kharisya Azzahra, P., Rista Dewi, A. (2021). Edukasi Cyber Incivility dalam Upaya Meningkatkan Etika Berinternet di Kalangan Remaja Pucangan III. *KKN BBM Ke-64, Universitas Airlangga*
- [11] Khasanah, Yunita U. (2019). A Pragmatic Analysis of Efl Learners' Social Media Interaction. *JETLe* Vol 1, No 1, October 2019, 27-40. DOI: <http://ejournal.uin-malang.ac.id/index.php/jetle/article/download/05/pdf>
- [12] L. Luic., & J. Lepoglavec (2019). Netiquette And Cyberbullying In The Context Of Digital Public Relations Of Schools. 12th annual International Conference of Education, Research and Innovation, 9561-9566. DOI: <http://dx.doi.org/10.21125/iceri.2019.2331>
- [13] Muhaymin Hakim Abdullah, Zahrul Akmal Damin, Noranifitri Md. Nor, Nor Shela Saleh, Harliana Halim, Riki Rahman & Fauziah Ani (2021). University Courses Subjects (MPU) Accessibility Via Online For Distance Learning (DI) During Movement Control Order (MCO) In Malaysia. *Review Of International Geographical Education Online*, Eyup Artvinli, Institute Of Education In Eskisehir Osmangazi University, 4(376), ISSN:21460353.
- [14] Nor Azian A.R., Hussein, N., Rusdi, S. D., & Abd Aziz, Z. D. (2020). Factors Influencing Cyberbullying Behavior Among Malaysian Tertiary Students. *Advances in Business Research International Journal*, 6(2) 2020, 44-53. DOI: <https://doi.org/10.24191/abrij.v6i2.10594>

- [15] Nor Shela Saleh, Norizan Rameli, Muhaymin Hakim Abdullah, Riki Rahman (2019). Integrasi Etnik dalam Ideologi Pendidikan. *Journal of Techno Social* Vol.11 No.2 (2019) 47-54. ISSN : 2229-8940 DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2019.11.02.006>.
- [16] Nurfarhanah, Afdal, W, A., Syahniar, Mudjiran, Daharmis, Z, Z. (2019). Analysis of the Causes of Cyberbullying: Preliminary Studies on Guidance and Counseling Media. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, Vol. 372 (ICoET 2019), 300-306. DOI: : <https://www.atlantis-press.com/proceedings/icoet-19/125925099>
- [17] Rebeca, S. C., Pablo, L. O., Marta, M. M., & Antonio Jose, M. G. (2021). Netiquette: Ethics, Education, and Behavior on the Internet. *Int. J. Environ. Res. Public Health* 2021, 1-15. DOI: <https://doi.org/10.3390%2Fijerph18031212>
- [18] RMMD Pamarathna (2019). Bad Netiquette of Digital Citizen in Sri Lanka. *GSJ: Volume 76, Issue 2*, 483-496. DOI: <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1311721.pdf>
- [19] Sana Iqbal, Rabia, H., Fatima, A., Manya , T., Rafia, M., Rahila, Y., Talha, L. (2021). Teachers Perceptions of Netiquette Practices by undergraduate Dental Students During Online Classes in Covid-19 Pandemic. *Pakistan Journal of Medical & Health Science* Vol. 15, No. 12, Dec 2021, 3498-3500. DOI: <https://doi.org/10.53350/pjmhs2115123498>
- [20] Shahidah, H., Fauziah, A., Norizan, R., Noranifitri, M., Harliana, H., Adi, S. M., . . . Khairol Anuar, K. (2021). Level of Awareness of Social Media Users on Cyber Security Case Study among Students of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education* Vol. 12 No. 2, 694-698. DOI: <https://doi.org/10.17762/turcomat.v12i2.923>
- [21] Wirmando, W., Fransiska, A., Verawati, S., & Verent Vanda, N. K. (2021). Dampak Penggunaan media Sosial terhadap Perilaku Bullying Pada Remaja. *Nursing Care and Health Technology Journal (NCHAT)* Vol.1 No.3, 117-122. DOI: <https://ojs.nchat.id/index.php/nchat/article/view/19>
- [22] Yuhdi, F. (2018). Netiquette: Etika Jejaring Sosial Generasi Milenial Dalam Media Sosial. Vol. 22 No. 1 (2018): *Jurnal Penelitian Pers dan Komunikasi Pembangunan*, 69-78. DOI: <https://doi.org/10.46426/jp2kp.v22i1.82>